


MASIH UTUH...Roman Coliseum masih utuh sehingga kini biarpun sudah melangkau usia lebih dua abad.




BERSEJARAH...inilah gua As-Shabul Khafi tempat tujuh pemuda tidur selama 309 tahun.




TERAPUNG...sesiapa yang mandi di Laut Mati tidak akan tenggelam.



MAHAL...biarpun barangan yang ditawarkan cantik namun keupayaan membeli agak terbatas kerana harganya mahal.



MASIH ADA...tulang yang dipercayai milik seekor anjing yang menemani tujuh pemuda di gua As-Shabul Khafi.




PERLU DIKUNJUNGI...Masjid Raja Abdullah tersimpannya replika surat Nabi Muhammad SWT kepada Hercules.

Jordan kaya sejarah Islam

Gua As-Shabul Kahfi, Roman Coliseum, Laut Mati dan makam Nabi Syuib antara tempat perlu dilawati



MAHAL...biarpun barangan yang ditawarkan cantik namun keupayaan membeli agak terbatas kerana harganya mahal.



MASIH ADA...tulang yang dipercayai milik seekor anjing yang menemani tujuh pemuda di gua As-Shabul Khafi.



PERLU DIKUNJUNGI...Masjid Raja Abdullah tersimpannya replika surat Nabi Muhammad SWT kepada Herculis.

Jordan kaya sejarah Islam

Gua As-Shabul Kahfi, Roman Coliseum, Laut Mati dan makam Nabi Syuib antara tempat perlu dilawati

Oleh **Ruhaiza Rusmin**
ruhaiza@hmetro.com.my

KETIKA menjejakkan kaki di Lapangan Terbang Queen Alia, Jordan, perkara pertama terlintas di fikiran saya ialah Laut Mati. Sejak kecil, saya mengimpikan berkunjung ke laut paling masin di dunia itu, bukan sekadar menyaksikan panoramanya tetapi ingin berenang di permukaannya. Berenang di Laut Mati tidak akan tenggelam.

Hampir dua dekad, akhirnya impian saya terlaksana ketika berkunjung ke Jordan, baru-baru ini. Bukan sekadar melihat pemandangan indah mahupun bermain di gigi pantai, malah berenang. Bagaikan tidak percaya, badan saya terapung walaupun berenang di tempat paling dalam.

Laut Mati terletak kira-kira 400 meter dari aras laut. Airnya sangat masin hingga tiada hidupan di dalamnya. Namun, ia dikatakan mujarab sebagai penawar penyakit kulit.

Bayangkan, sebaik saja menecahkan kaki di dalamnya, kulit bagaikan terasa digigit-gigit dan pedih. Itu belum lagi dikira bahang kepanasan kira-kira 47 darjah selsius jika ingin mandi-manda.

Itulah laut yang menjadi kesa-

nyangan dan kebanggaan rakyat Jordan yang berjumlah kira-kira 10 juta orang.

Kunjungan ke negara itu bukan saja memberi pengalaman baru tetapi membawa penulis dan anggota rombongan seramai 53 orang meneroka serta menyusuri sejarah tamadun Islam.

Kedatangan kami disambut kedinginan pagi yang menusuk tulang. Biarpun agak keletihan kerana terpaksa mengharungi perjalanan kira-kira sembilan jam menaiki pesawat Thai Airways dari Bangkok, Thailand, gamitan bumi Jordan membuatkan kami tidak sabar meneroka negara yang terkenal dengan Permaisuri Noor.

Selepas berehat seketika di Hotel Alia, kami singgah di pusat bandar yang padat dengan kediaman berbentuk segi empat berwarna coklat. Cukup ringkas, manakala di kiri kanan jalan pula dipenuhi deretan pokok zaitun serta padang pasir.

"Jika anda mengharapkan bertemu unta di sini, lupakan saja tapi kalau ingin melihat pokok zaitun, silakan. Ada kira-kira 30 bilion pokok zaitun di negara ini, melebihi penduduk Jordan.

"Sebab itu anda boleh menyaksikan bagaimana gebunya kulit wajah kebanyakan wanita kami kerana mereka menja-

Laut Mati terletak kira-kira 400 meter dari aras laut. Airnya sangat masin hingga tiada hidupan di dalamnya. Ia dikatakan mujarab sebagai penawar penyakit kulit dan sesiapa berenang di dalamnya tidak akan tenggelam

dikan buah zaitun produk asas kecantikan," kata pemandu pelancong, Al Walid yang bangga menceritakan kecantikan wanita negaranya.

Tidak boleh dinafikan, wanita Jordan memang cantik menawan, dengan kulit cukup mulus serta kemerah-merahan sehingga ada di kalangan ahli rombongan lelaki beberapa kali menoleh untuk 'mencuci' mata.

Jordan berjiran dengan Lubnan, Iraq, Syria dan Palestin. Biarpun berdekatan dengan negara bergolak, ia cukup selamat dikunjungi selain mempunyai banyak tinggalan sejarah. Antaranya Gua As-Shabul Kahfi yang terkenal dengan peristiwa tujuh pemuda beriman ditidurkan Allah selama 309 tahun selepas melarikan diri daripada pemerintah zalim.

Penulis merasai sendiri pengalaman memasuki gua berkenaan, memang sangat sejuk dan nyaman meskipun suhu di luar terik membahang. Di dalamnya terdapat tujuh makam, beberapa artifak selain tulang anjing dalam sebuah lubang yang dikatakan turut menemani tujuh pemuda itu.

Kami juga dibawa melawat Roman Coliseum, antara bangunan prasejarah diperbuat daripada batu granit yang masih lagi teguh binaannya. Meskipun sudah berusia lebih 200 tahun, penjagaannya cukup sempurna selain masih lagi dijadikan tempat berlangsungnya acara istimewa.

Di kiri kanannya pula terdapat dua muzium yang memaparkan beberapa artifak lama selain budaya hidup masyarakat seperti baju tradisional dan alatan muzik.

Kami turut mengunjungi makam Nabi Syuib, kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar. Ia terletak di puncak bukit, perjalanan menuju makam memang cukup mencabar kerana jalannya kecil dan curam.

Namun, pemandangannya cukup cantik kerana pengunjung dapat menikmati keindahan batu gunung serta langit cerah membiru yang mengelilingi masjid tempat makam

berkenaan dibina.

Sewaktu di tanah air, penulis memasang angan-angan berbelanja sakan di Jordan terutama membeli produk kecantikan daripada lumpur Laut Mati. Malangnya hasrat itu terbantut kerana harganya terlalu mahal dan kebanyakan

peniaga lebih senang menerima Dolar Amerika.

"Tidak mengapalah...sekurang-kurangnya hasrat menjejakkan kaki di Jordan tercapai," kata saya memujuk hati.

Kunjungan ke Jordan biarpun singkat tetapi meninggalkan memori manis kepada saya.



KENANGAN...penulis bersama anak mengabadikan kenangan di Muzium Tradisi Jordan.

Mari Kongsi Pengalaman

AND A ada pengalaman Apercution menarik di luar negara bersama keluarga dan rakan-rakan. Mengapa tidak berkongsi cerita anda dengan

pembaca Harian Metro. Hantarkan tulisan berserta gambar ke rencana@hmetro.com.my atau srul@hmetro.com.my.